

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2015)  
DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR  
[ KULIM BANDAR BAHARU ]**

**TARIKH : 21 OKTOBER 2015 (RABU)**

**SOALAN:**

**Dato' Abd. Aziz bin Haji Sheikh Fadzir ( Kulim Bandar Baharu ) minta PERDANA MENTERI menyatakan bagaimana sistem yang sedia ada di bawah kelolaan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dan Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM) dapat memastikan masa depan kerjaya dan nasib guru-guru baru terbela.**

**JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) bertanggungjawab membangun dan mengurus aspek pendidikan Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan

Labuan melalui pendidikan Sekolah Rendah Agama (SRA). Sehingga kini, sebanyak 82 buah SRA telah beroperasi dengan jumlah murid seramai 35,043 orang.

Sistem perjawatan bagi guru-guru SRA adalah berstatus perjawatan tetap, di mana Waran Perjawatan Bil. A 350 Tahun 2014 memperuntukan sebanyak 1,322 perjawatan iaitu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan jawatan Gred DG29 hingga DG54. Oleh itu, kerjaya bagi guru-guru tersebut adalah terjamin dengan segala kemudahan yang diperuntukan mengikut ketetapan Jabatan Perkhidmatan Awam di dalam pekeliling-pekeliling yang berkaitan.

Disamping itu, JAWI juga memberi ruang dan peluang kepada semua guru SRA agar melanjutkan pelajaran di peringkat sajana muda sebagai persediaan untuk merebut peluang kenaikan pangkat mengikut peruntukan waran yang telah disediakan di dalam waran perjawatan.

Manakala Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) adalah menyelaras guru-guru yang mengajar di Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA). Pelantikan guru KAFA di bawah JAKIM adalah secara kontrak dan mereka dibayar elaun sebanyak RM800.00 setiap bulan dan tambahan elaun dari negeri masing-masing.

Sekian, terima kasih.